

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Perbelanjaan kesihatan Malaysia antara terpantas

Kuala Lumpur: BMI, firma Fitch Solutions, mengunjurkan perbelanjaan kesihatan Malaysia meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) 8.3 peratus dari 2023 hingga 2028.

Ia mengunjurkan perbelanjaan awam naik 8.5 peratus, manakala perbelanjaan swasta sebanyak 8.1 peratus. Unjurian positif itu disokong peningkatan dua angka dalam belanjawan penjagaan kesihatan kerajaan pada 2023 dan 2024, di samping peningkatan berterusan dalam sektor swasta.

"Ini akan menjadikan pertumbuhan perbelanjaan kesihatan jangka masa sederhana Malaysia menjadi antara terpantas di ASEAN," menurutnya.

Penduduk menua, beban penyakit kronik semakin meningkat, usaha untuk meningkatkan infrastruktur kesihatan awam dan menambah baik akses untuk komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan akan memacu pertumbuhan sektor awam.

"Penyedia penjagaan kesihatan swasta akan terus menarik pesakit berpendapatan tinggi, termasuk pelancong perubatan dan pesakit domestik yang mahu mengelakkan tempoh menunggu lama ekoran kekurangan doktor dan jururawat di Malaysia," menurut BMI.

BMI memaklumkan, pertumbuhan perbelanjaan satu digit yang tinggi di Malaysia menjadikan negara ini mengatasi negara serantau lain seperti Singapura, Thailand, Filipina dan Indonesia dalam jangka sederhana.

"Perbelanjaan kesihatan perkapita tahunan kekal melebihi purata pasaran global dan yang sedang pesat membangun, menunjukkan kapasiti perbelanjaan produk perubatan termaju yang kukuh," katanya menambah Malaysia akan terus memajukan tawaran penjagaan kesihatan untuk menarik pelancong perubatan.

"Bagaimanapun, Malaysia menghadapi persaingan serantau sengit dari Thailand dan Singapura. Perkongsian dijangka kekal sebagai usaha Malaysia untuk meningkatkan industri pelancongan perubatan kerana negara ini berusaha untuk kekal berdaya saing dalam persaingan serantau," menurut BMI.

Malaysia akan terus menangani cabaran kebolehcapaian di kawasan luar bandar dengan Belanjawan 2024 kerajaan mengutamakan pelaburan dalam kemudahan kesihatan, termasuk memperluas hospital dan membina klinik kesihatan baharu untuk meningkatkan kapasiti dan mengurangkan kesesakan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : NASIONAL

Kes 2 maut keracunan makanan

15 termasuk pengusaha katering beri keterangan

Mangsa keracunan makanan pula akan dirakam percakapan selepas ini

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Gombak: Polis sudah mengambil keterangan 15 individu, termasuk pengusaha katering bagi membantu siasatan kes keracunan makanan yang menyebabkan dua kematian, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir, berkata mereka yang dipanggil setakat semalam

membabitkan penganjur, ahli jawatankuasa, pengetua sekolah dan penyedia makanan.

Dalam satu kenyataan semalam, beliau memaklumkan, mangsa yang mengalami keracunan makanan pula akan dirakam percakapan mereka selepas ini.

Rabu lalu, polis sudah merakam keterangan lapan individu

bagi membantu siasatan dalam kejadian keracunan makanan di Gombak, di sini.

Minggu lalu, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) mengesahkan 82 daripada 247 orang mengalami gejala keracunan makanan selepas bersarapan pada Program Kemahiran Amal Islami (KAMIL) Peringkat Daerah

Gombak. Program berkenaan diadakan di sebuah sekolah rendah agama di Gombak

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Ummi Kalthom Shamsudin, berkata keracunan makanan itu disyaki berpunca daripada bihun goreng dan telur 'mata' yang sudah berubah rupa dan rasa.

Dua mangsa yang meninggal dunia membabitkan kanak-kanak perempuan berusia 19 bulan dan remaja lelaki 17 tahun.

Mereka dipercayai makan bihun goreng dan telur 'mata' yang disediakan untuk satu program di sebuah sekolah agama di Sungai Chinchin, Gombak, pada 8 Jun sebelum disahkan meninggal dunia.

Dr Ummi Kalthom sebelumnya dilaporkan berkata mana-mana individu yang mengalami gejala diminta segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan bagi mengelak komplikasi keracunan makanan yang tidak diingini.



Noor Ariffin Mohamad Nasir,
Ketua Polis Daerah Gombak

Mereka yang dipanggil setakat semalam membabitkan penganjur, ahli jawatankuasa, pengetua sekolah dan penyedia makanan. Mangsa yang mengalami keracunan makanan pula akan dirakam percakapan mereka selepas ini

Kes kencing tikus

Hutan lipur Lata Bayu ditutup sementara

Baling: Jabatan Perhutanan Negeri Kedah menutup pusat rekreasi hutan lipur Lata Bayu, Asam Jawa dekat sini, mulai kelmarin selepas mendapat kawasan itu dikesan dijangkiti penyakit kencing tikus.

Pengarahnya, Muhammad Abdullah berkata, pihaknya telah menutup pagar dan meletakkan tali amaran bagi mengelak pengunjung berkunjung ke kawasan itu.

Beliau berkata, hutan lipur itu ditutup sehingga keadaan kembali pulih dan disahkan selamat oleh pejabat kesihatan daerah.

"Kita sudah tutup semalam bagi mengelakkan pengunjung berkunjung sehingga keadaan pulih dan selamat.

"Kita berharap tidak ada pengunjung yang ceroboh masuk kerana amaran sudah dikeluarkan malah pintu pagar telah ditutup," katanya.

Katanya, semalam hutan lipur itu dikunjungi beberapa pengunjung yang mungkin tidak tahu ia sudah ditutup sebab tanda amaran diletakkan di kawasan itu, pagi semalam sudah dibuang individu tidak bertanggungjawab.

Pusat peranginan itu ditutup sementara ekoran dua mangsa sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di sebuah hospital di



Pengunjung yang mandi di pusat rekreasi hutan lipur Lata Bayu mempunyai tanda-tanda seperti demam, sakit kepala, muntah dan cirit birit dikehendaki mendapat rawatan segera di klinik berhampiran.

Kedah, akibat dijangkiti penyakit kencing tikus, selepas berlbur di hutan lipur, di situ.

Tinjauan petang tadi, mendapati pusat rekreasi itu ditutup dan tidak nampak keliatan orang ramai ke situ, malah gerai penaga juga ditutup.

Susulan kes penyakit itu, pegawai dari Jabatan Kesihatan Daerah Baling sudah diarahkan melakukan pemantauan dan pendidikan kesihatan di pusat rekreasi itu.

Pegawai Daerah Baling, Yaz-

lan Sunardie Che Yahaya, berkata kes jangkitan itu dilaporkan kelmarin oleh Pejabat Kesihatan Daerah Baling.

Beliau berkata, arahan penutupan sementara dikeluarkan Jabatan Perhutanan Kedah, untuk siasatan kes dan aktiviti pencegahan seterusnya.

"Ada kes leptospirosis (kencing tikus) yang mempunyai sejarah mandi di Lata Bayu di laporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Baling."

"Demi menjaga kesihatan dan

keselamatan orang awam yang berkunjung ke kawasan rekreasi ini, Lata Bayu akan ditutup sementara untuk siasatan kes serta aktiviti pencegahan seterusnya," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, pengunjung yang telah mandi di situ dan mempunyai tanda-tanda seperti demam, sakit badan, sakit kepala, muntah, cirit birit, sakit perut, jaundis, mata kemerahan dikehendaki mendapat rawatan segera di klinik atau hospital yang berhampiran.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

SUSULAN KES 2 MAUT KERACUNAN MAKANAN

15 individu disiasat

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhfafis@mediapri-
ma.com.my

Gombak

Polis mengambil keterangan 15 individu termasuk pengusaha katering bagi membantu siasatan kes keracunan makanan yang menyebabkan dua

kematian pada 10 Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Gombak Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, setakat ini, seramai 15 individu sudah dirakam percakapan terdiri daripada pengajar, ahli jawatankuasa, pengetahuan dan penyedia makanan.

"Mangsa lain yang mengalami keracunan makanan pulak dalam tindakan untuk

merakam percakapan mereka," katanya dalam kenyataan, semalam.

Harian Metro sebelum ini melaporkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memaklumkan seramai 82 daripada 247 orang mengalami gejala keracunan makanan selepas makan sarapan pagi pada satu program di Gombak.

Pengaruh Kesihatan Nege-

ri, Dr Ummy Kalthom Sham-sudin dilaporkan berkata, keracunan makanan itu disyaki berpunca daripada mihun goreng dan telur mata yang didakwa sudah berubah rupa serta rasa.

Terdahulu, media melaporkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 19 bulan dan remaja lelaki berusia 17 tahun maut dipercayai akibat keracunan makanan.

PUSAT PERANGINAN LATA BAYU, ASAM JAWA DITUTUP

2 pengunjung hutan lipur dirawat di ICU

Baling: Pusat Peranginan Lata Bayu, Asam Jawa dekat sini ditutup berikutan dua individu kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebuah hospital di Kedah, akibat dijangkiti penyakit kencing tikus selepas ber kunjung ke hutan lipur di situ.

Pegawai Daerah Baling Yazlan Sunardie Che Yahaya berkata, kes jangkitan itu dilaporkan kelmarin, oleh Pejabat Kesihatan Daerah Baling.

Beliau berkata, arahan penutupan sementara dilakukannya Jabatan Perhutanan Kedah untuk siasa-

tan kes dan aktiviti pencegahan seterusnya.

"Ada kes leptospirosis (kencing tikus) yang mempunyai sejarah mandi di Lata Bayu dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Baling.

"Demi menjaga kesihatan dan keselamatan orang awam yang berkunjung ke kawasan rekreasi ini, Lata Bayu akan ditutup sementara untuk siasatan kes serta aktiviti pencegahan seterusnya," katanya.

Beliau berkata, pengunjung yang mandi di lokasi itu dan mempunyai tandanya seperti demam,

sakit badan, sakit kepala, muntah, cirit birit, sakit perut, jaundis selain mata kemerahan dikehendaki mendapat rawatan segera di klinik atau hospital.

Sementara itu, Pengarah Perhutanan Kedah Muhammad Abdullah yang dihubungi berkata, kain rendang amaran sudah dipangsang di kawasan itu kelmarin namun difahamkan ia dibuang individu tidak bertanggungjawab.

Malah, ketika tinjauan kelmarin, pusat rekreasi itu masih dikunjungi orang ramai dipercayai tidak tahu bahawa pusat re-

kreasi ditutup.

Susulan peningkatan pengunjung, pegawai dari Jabatan Kesihatan Daerah Baling diarahkan melakukan pemantauan dan pendidikan kesihatan di pusat rekreasi itu.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan Daerah Baling Mohd Arfan Bibit berkata, pemantauan dijalankan selama tiga hari, bermula kelmarin.

"Kita buat pemantauan daripada segi tempat man di yang mana kita lakukan pendidikan kesihatan kepada pengunjung," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

Taman Eko Rimba Lata Bayu ditutup sementara akibat leptospirosis

Dua mangsa dijangkiti kencing tikus

Oleh NORLIA RAMLI

BALING — Taman Eko Rimba (TER) Lata Bayu, di sini, ditutup sementara selepas dua mangsa dirawat di unit rawatan rapi (ICU) sebuah hospital akibat dijangkiti penyakit itu, baru-baru ini.

Dua mangsa terabit dikatakan mengunjungi pusat peranginan tersebut sebelum disahkan dijangkiti penyakit itu, baru-baru ini.

Pegawai Daerah Baling, Yazlan Sunardie Che Yahaya berkata, kes kencing tikus atau leptospirosis itu dilaporkan Pejabat Kesihatan Daerah Baling, kelmarin.

Katanya, arahan penutupan TER Lata Bayu bermula kelmarin hingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak itu dibuat oleh Jabatan Perhutanan negeri untuk siasatan serta aktiviti pencegahan seterusnya.

"Penutupan tersebut juga adalah untuk menjaga kesihatan dan keselamatan orang awam.

"Pengunjung yang mandi-manda di situ sebelum ini dan mempunyai tanda-tanda seperti demam, sakit badan dan kepala serta muntah, cirit-birit, sakit perut, jaundis dan mata kemerahan diminta mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah Per-



NOTIS penutupan dan tali rentang yang diletakkan di pintu masuk berikutnya dua kes kencing tikus di Taman Eko Rimba Lata Bayu, Baling.

hutanan negeri, Muhammad Abdulla berkata, pihaknya telah meletakkan notis pemberitahuan penutupan dan tali rentang, namun dipercayai dibuang pihak tertentu.

"Ada orang awam yang didapati masih berkunjung ke situ

kerana tidak tahu tentang penutupan lokasi itu," katanya.

Seorang pengunjung dari Sungai Petani, Salmiah Bulat, 73, berkata, dia tidak tahu tentang penutupan itu dan kecewa kerana tidak dapat memasuki kawasan tersebut.

"Saya datang nak berehat sambil beriadah di Lata Bayu ini, namun tidak kesampaian apabila mendapati pintu pagar berkunci serta ditutup dengan tali rentang amaran."

"Terdapat notis pemberitahuan tentang penutupan hutan

lipur ini dan ada dua penduduk kampung kemudian turut memaklumkan tempat ini ditutup sementara berikutan ada dua kes pengunjung yang datang mandi-manda di sini terkena kencing tikus," katanya.

Dia yang kecewa bagaimana pun akur dengan penutupan itu demi memastikan keselamatan diri dan keluarga terjamin.

Pengunjung dari Kepala Batas, Pulau Pinang, Muhammad Muhsaf Rasim, 26, berkata, dia bersama keluarga telah beberapa kali berkelah di Lata Bayu dan hasrat mereka untuk mandi-manda kali ini tidak kesampaian.

"Saya tidak tahu mengenai penutupan tempat ini, kali ini saya datang bersama saudara mara dengan dua buah kereta untuk berkelah."

"Malangnya kali ini kami kena mencari tempat lain pula untuk berkelah bagi menghabiskan bekalan makanan yang dibawa," ujarnya.

Dia berharap agar orang awam dan pihak bertanggungjawab dapat menjaga kebersihan hutan lipur itu bagi mengelakkan berlangsalah kes kencing tikus di situ."

Pengunjung dari Alor Setar, Ammar Muhammad Mohamad Azrin, 20, yang baru kali pertama berkunjung ke Lata Bayu akur dengan arahan tersebut.

15 keterangan termasuk pengusaha katering diambil



KERATAN Kosmo! 13 Jun 2024.

GOMBAK — Polis mengambil keterangan 15 individu termasuk pengusaha katering bagi membantu siasatan berhubung kes keracunan makanan hingga menyebabkan kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia setahun tujuh bulan dan remaja lelaki berusia 17 tahun pada 10 Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Arifin Mohamad Nasir berkata, dua individu yang baru dipanggil dirakam keterangan adalah pengusaha katering dan ahli jawatankuasa (AJK) makanan.

"Sudah 15 orang dirakam per-cakapan. Tindakan hari ini untuk rakam percakapan mangsa kera-

cunan yang lain.

"Dua yang baru dipanggil beri keterangan adalah pengusaha dan AJK makanan," katanya di sini semalam.

Pada 13 Jun lalu, Kosmo! melaporkan dua dilaporkan maut selepas mengalami cirit-birit akibat makan bijun dan telur yang dibawa pulang dari sebuah pro-

gram sekolah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, seramai 105 mangsa telah menerima rawatan selepas mengalami gejala keracunan setakat 15 Jun.

Pihaknya mengesan bakteria salmonella dalam sampel najis yang diambil berkaitan kes berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGERI

Saringan kesihatan percuma untuk rakyat Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan negeri mengajurkan program saringan kesihatan percuma bertujuan membantu orang ramai mengesan sebarang tanda atau penyakit berbahaya lebih awal.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar negeri, Jamaliah Jamaliddin berkata, program Selangor Saring akan diadakan di Dewan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) Bandar Baru Kuala Selangor pada 22 Jun, Pusat Khidmat Rakyat Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia (29 Jun) dan di Dewan Sri Jugra pada 30 Jun.

Ujarnya, inisiatif itu menyediakan saringan kesihatan seperti pemeriksaan fizikal, jantung, buah pinggang, kencing manis, darah tinggi, barah, mata, telinga dan gigi.

"Orang ramai boleh berkunjung ke

lokasi program saringan kesihatan di tiga lokasi ini dan mengambil peluang melakukan saringan secara percuma.

"Pengunjung digalakkan membuat prapendaftaran menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) kerana penilaian faktor risiko setiap individu disediakan melalui borang saringan awal dalam aplikasi ini," katanya menerusi satu hantaran di laman Facebooknya.

Terdahulu, pada Belanjawan Selangor 2024 lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Sharri mengumumkan peruntukan RM3.2 juta bagi meneruskan saringan kesihatan percuma tahun ini.

Program diperkenal bagi membantu penduduk mengesan penyakit lebih awal dengan menyasarkan individu mempunyai sejarah perubatan keluarga, obesiti selain amalan gaya hidup tidak sihat.



“

Pengunjung digalakkan membuat prapendaftaran menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) kerana penilaian faktor risiko setiap individu disediakan melalui borang saringan awal pada aplikasi ini"

- Jamaliah

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NEGERI

Keracunan: Pengusaha katering antara dirakam keterangan

KUALA LUMPUR - Polis sudah merakam keterangan 15 individu termasuk pengusaha katering bagi membantu siasatan kes kematian remaja lelaki dan kanak-kanak perempuan akibat keracunan makanan pada 8 Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, individu dipanggil terdiri daripada ahli keluarga mangsa, pakar patologi, penyedia makanan dan pembekal.

"Jumlah keseluruhan individu dirakam keterangan setakat ini ialah 15 orang dan tindakan seterusnya adalah merakam keterangan mangsa keracunan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada Rabu, polis selesai merakam keterangan lapan individu bagi membantu siasatan dalam kejadian ketika Program Kemahiran Amal Islami (KAMIL) Peringkat Daerah Gombak.

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) juga sedang menjalankan siasatan bagi mengesan kes baharu berhubung kejadian itu.



Laporan *Sinar Harian* berkaitan kejadian dua mangsa maut akibat keracunan makanan di Gombak.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Ummi Kalithorn Shamsudin sebelum ini dilaporkan berkata, mana-mana individu yang mengalami sebarang gejala diminta segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan bagi mengelak komplikasi keracunan makanan yang tidak diingini.



“

Jumlah keseluruhan individu dirakam keterangan setakat ini ialah 15 orang dan tindakan seterusnya adalah merakam keterangan mangsa keracunan.”

- Noor Ariffin

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Hospital swasta kurang jururawat

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak 220 hospital swasta di seluruh negara terus berdepan masalah kekurangan jururawat yang boleh menjelaskan operasi mereka dan industri pelancongan kesihatan di negara ini.

Perkara itu diburukkan lagi apabila Kementerian Sumber Manusia (KSM) belum meluluskan kemasukan 9,200 juru-

Kementerian
Sumber Manusia
sekat kemasukan
jururawat
Filipina, India

rawat dari Filipina dan India

Langkah itu bertentangan dengan keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) sudah

meluluskan kemasukan jururawat tersebut dengan memberi pengecualian termasuk membuka kelayakan pasca asas jururawat luar negara untuk bekerja di hospital-hospital swasta.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, sehingga kini lebih 9,000 jururawat itu tidak dapat dibawa untuk mengatasi kekurangan yang berlaku walaupun pengecualian menggaji jururawat dari India dan

Filipina yang bermula 1 Oktober 2023 itu akan tamat pada 30 September ini.

Menurut beliau, kemasukan jururawat tersebut seolah-olah disekat.

Jelasnya, ini menyebabkan negara berdepan dengan masalah kehilangan jururawat dari luar negara ketika jururawat dalam negara berhijrah ke luar negara.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI



KEKURANGAN jururawat menyebabkan hospital swasta gagal berfungsi dengan baik, manakala pesakit pula terpaksa menunggu walaupun mempunyai duit dan insurans perlindungan.

Hospital swasta kurang jururawat

Dari muka 1

“Mereka mengatakan kita mesti mengulangi temu du ga untuk memastikan memang benar-benar tidak ada jururawat tempatan. Ini menyebabkan proses (kemasukan) menjadi lebih rumit.

“Negara lain seperti Singapura dan Australia, mereka menggunakan cara yang lebih ringkas serta menyenangkan. Mereka tahu sekiranya kemasukan pekerja kesihatan itu dilambatkan disebabkan birokrasi sebegini maka kita akan turut hilang bakat daripada negara luar juga,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Pada Mei lalu, bekas Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa memaklumkan bahawa KKM bersedia mempertimbangkan pengambilan jururawat dari luar negara bagi membantu sektor swasta mengatasi kekurangan tenaga kerja itu.

Penerimaan surat daripada

Pendaftar Lembaga Kejururawatan KKM itu sepatutnya dapat mengurangkan tekanan di hospital swasta hingga 2025.

Mengulas lanjut, Dr. Kuljitz berkata, beliau ada memaklumkan kepada Menteri Kesihatan mengenai masalah tersebut bagi melanjutkan pengecualian untuk tempoh setahun lagi dan Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad mengatakan permohonan tersebut akan dipertimbangkan.

Katanya, kelewatannya kemasukan jururawat itu menyebabkan hospital swasta tidak dapat berfungsi dengan baik.

“Apabila tiada jururawat ini, kita tidak boleh buka wad dan katil, ini menyebabkan pesakit perlu tunggu walaupun mempunyai duit dan insurans perlindungan. Jadi kadang-kadang pesakit itu terpaksa pergi ke hospital kerajaan.

“Kerajaan kena cari satu cara yang inovatif untuk mengenalikan proses ini, tidak boleh terlalu banyak birokrasi sebab

pada akhirnya ia hanya menyukarkan proses tetapi menyulitkan,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, negara berdepan dengan masalah kekurangan jururawat sejak pandemik Covid-19 akibat daripada penutupan sekolah-sekolah jururawat.

“Mereka membuat pengambilan semula mulai 2022 dan 2023, kursus jururawat pula mengambil masa selama tiga tahun, jadi ini menyebabkan berlakunya masalah ketidakcukupan tenaga kerja itu.

“Selain itu, kebanyakan jururawat tempatan lebih gemar bekerja di luar negara kerana pasaran mereka di sana besar,” ujarnya.

Cubaan *Utusan Malaysia* menghubungi Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong untuk mendapatkan respons mengenai sekatan yang dilakukan oleh Perkeso itu namun mesej melalui aplikasi WhatsApp tidak dibalas dan panggilan tidak diangkat.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

15 individu diambil keterangan kes keracunan makanan

PETALING JAYA: Polis merakam keterangan 15 individu bagi membantu siasatan berhubung kejadian keracunan makanan dipercaiay selepas memakan bijun goreng dan telur yang disediakan untuk program di sebuah sekolah di Gombak dekat sini, 15 Jun lalu.

Kesemua yang dipanggil melibatkan ahli keluarga, patologi, penyedia makanan dan pembekal.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Arifin Mohamad Nasir berkata, pihaknya turut merakam keterangan dua lagi individu melibatkan pengangur dan ahli jawa-

tankuasa (AJK) makanan majlis tersebut.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang dirakam percapaian seramai 15 orang."

"Tindakan ini untuk merakam keterangan mangsa-mangsa keracunan yang lain," katanya dalam kenyataan semalam.

Khamis lalu, polis mengesahkan merakam keterangan lima individu bagi membantu siasatan berhubung kejadian keracunan makanan di Gombak.

Akibat kejadian itu, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memaklumkan, seramai 82 daripada 247 orang mengalami gejala keracunan makanan.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Ummi Kalthom Shamsudin dilaporkan berkata, keracunan makanan itu disyaki berpunca daripada bijun goreng dan telur mata didakwa sudah berubah rupa dan rasa.

Katanya, gejala utama yang dilaporkan adalah cirit-birit sakit perut, demam, muntah dan loya.

"Sebanyak dua kes dilaporkan meninggal dunia tanpa menerima sebarang rawatan dari mana-mana fasiliti kesihatan membabitkan remaja lelaki berusia 17 tahun dan bayi perempuan berusia 19 bulan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

MAXIM
10 Utusan Malaysia
RABU • 19 JUN 2024

Makanan proses tingkatkan risiko lahir anak autisme

Oleh NURUL IRDINA SUMALI
irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pengambilan makanan tidak sihat pada usia awal kehamilan seperti makanan proses meningkatkan risiko kelahiran bayi autisme.

Presiden Persatuan Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PP-KAM), Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, walaupun masalah autisme berkait rapat dengan genetik, namun faktor luaran juga boleh menjadi penyumbang.

"Makanan proses, makanan segera seperti sosis dan burger yang kita semua tahu mengandungi bahan pengawet yang

sangat tinggi dan menyebabkan toksik pada kandungan badan menjadi tinggi.

"Apabila makanan ini diambil pada awal kehamilan, ia boleh memberi kesan terhadap kandungan seperti anak yang dilahirkan berisiko autisme," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, akbar ini melaporkan sebanyak 25,580 individu di negara ini didiagnosis autisme dalam tempoh tiga tahun lepas.

Statistik orang kurang upaya (OKU) aktif subkategori pembelajaran autisme oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu turut menyaksikan peningkatan

kelahiran anak-anak autisme pada 2021 hingga 2023.

Sejumlah 4,734 kes autisme dicatatkan pada 2021, diikuti 8,489 kes pada 2022 dan 12,357 kes pada 2023.

Dalam pada itu, Pakar Kesihatan Komuniti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh menasihahkan golongan ibu hamil untuk tidak mengambil ubat-ubatan yang tidak disahkan keselamatannya oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

"Sekarang kalau kita lihat terlalu banyak suplemen kesihatan yang tidak dapat dipastikan ke-

selamatannya terutama kepada ibu mengandung. Jadi, jangan amalkan bagi mencegah risiko anak autisme," katanya.

Kata beliau, pada awal kehamilan lagi, para ibu perlu menjaga kesihatan dengan mengambil kalsium secukupnya.

"Ada kajian mengaitkan makanan ibu sebelum mengandung dengan masalah anak autisme dan perkembangan neuro lain terganggu terutama jika kekurangan kalsium.

"Jadi, langkah pencegahan terbaik adalah menjaga kesihatan dengan pengambilan kalsium yang mencukupi sebelum merancang kehamilan," jelasnya.

AKHBAR : NEW STRAITS

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NST LEADER

NST LEADER

Snake oil on steroids

Change tack in curbing dodgy products

If there is a "home-made" pharmaceutical or health supplement that avows fairer skin, facial beautification, youthful elixir and treatment for incurable diseases, many Malaysians will splurge serious money on these products, the efficacy be damned. Add questionable medical devices to that list of quackery and Malaysians' spending prowess on dubious beauty, health and wellbeing merchandise is almost legendary. Like their online banking brethren, too many Malaysians get sucked into a hyperbolic sales pitch. The outcome is inevitable: consumers bitterly complain about the merchandise's laughable repellence. In the pre-Internet years, the city's main street was filled with peddlers and snake oil salesmen hawking dubious pills, creams and ointments. Thanks to periodic enforcement blitz, the hucksterism has mostly disappeared but don't be fooled. The peddlers have evolved into a bustling "black market": reselling through e-commerce behemoths. Their product line is mind-bogglingly diverse and enterprising, from the traditional to the esoteric, to even plugging spectacular "cures" for complex and incurable diseases.

Instead of going after sellers, go after the buyers, at least to win their hearts and minds.

Beauty entrepreneurs have glamorised their business, hiring celebrities and launching glitz commercials that promote skin-whitening cream and cosmetics that can "Koreanise" your appearance. Entrepreneurs operate shrewdly in the grey area between legitimacy and lawlessness that's out of the Health Ministry's jurisdiction. Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad admitted as much: instead of direct enforcement against the charlatans, he could only muster a "request" to the behemoth e-commerce sites to de-list regulatory flouters. It's a tall order, even for these global behemoths: despite deploying super algorithms to detect and disable links to questionable products.

E-commerce sites have proposed a Health Ministry goods certificate database to coordinate detection, but the transactions are costly and taxing. As an immediate alternative, the ministry could collaborate with its domestic trade and cost of living counterpart, the latter outfitted with the enforcement muscle to indict dodgy sellers, but the two ministries aren't communicating just yet. Here's how the Health Ministry should approach online quackery's "Wild, Wild West". Instead of going after sellers, go after the buyers, at least to win their hearts and minds. Apply the same tactics banks employ to warn customers of online scams, phishing and get-rich-quick and pyramid schemes. Publicise narratives of buyers' remorse, especially those whose health deteriorated after digesting or massaging the dodgy products. Set up online bulletins exposing all known graft and their commodities. Mirror their sales pitch, but hammer it with a clear caution, like what's done with cigarette packs. It's time the hucksters get a dose of their own bad mojo. Still, the ultimate solution is already locked and loaded. Buyers' personal vigilance, but time after time, they lapse and are facilely duped, especially with sellers' flaunting of crass luxury. With hordes of cash and materialism being brazenly flashed, their quack products must be super effective, no? That's a mission for the Inland Revenue Board.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION

Caterer queried over fatal food poisoning

KUALA LUMPUR: Police have recorded statements from 15 people, including the caterer, in its investigation into the deaths of a 17-year-old boy and a two-year-old girl, suspected to be due to food poisoning on June 8.

Gombak police chief Asst Comm Noor Ariffin Mohamad Nasir said those called to assist in the investigation were family members, a pathologist, food provider and supplier, Bernama reported.

"This brings the total number of individuals whose statements have been recorded so far to 15, and statements from other food poisoning victims will be recorded on Tuesday," he said in a statement.

Previously, the Selangor Health Department said 82 out of 247 people were found to have symptoms of food poisoning after eating food at the Gombak district-level 'Kemahiran Amal Islam' programme involving 30 primary schools.